

06/07/2002

Bahaya dakyah Pas ibarat bom jangka: Abdul Hamid

ALOR STAR, Jumaat - Umat Islam diingatkan mengenai bahaya 'bom jangka' yang diletakkan penjajah untuk mengkucar-kacirkan perpaduan, terutama di kalangan kaum Melayu selepas mereka meninggalkan negara ini.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman, berkata bom jangka itu lebih berbahaya daripada kegawatan ekonomi dan politik kerana ia membabitkan isu agama.

"Mereka tidak berundur begitu saja dengan membenarkan parti politik ditubuhkan atas nama Islam. Mana ada parti politik atas nama agama di dunia tetapi di sini, kita ada Pas.

"Selepas 50 tahun merdeka, bom jangka ini terus berbahaya. Kita mungkin berjaya mengatasi masalah kegawatan ekonomi dan politik, tetapi apabila membabitkan isu agama, ia menjadi begitu sensitif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini hari ini.

Abdul Hamid berkata, Pas yang berada dalam keadaan kelam-kabut dan tertekan kini mencuba pelbagai cara untuk meraih sokongan rakyat, termasuk kononnya untuk melaksanakan hukuman hudud di Terengganu.

Katanya, deraf Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang bakal dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu Ahad ini menunjukkan dengan jelas keadaan Pas sekarang.

"Pas sekarang kelam-kabut dan tertekan untuk mengotakan manifesto Pilihan Raya Umum 1999 mereka. Sehubungan itu, Pas terpaksa membentangkan deraf undang-undang hudud ini walaupun tidak lengkap dan tiada keadilan.

"Sebagai contoh, tidak ada sebarang peruntukan hukuman untuk mereka yang bertaubat dalam undang-undang hudud Pas, tetapi dalam undang-undang hudud Islam yang sebenarnya ada," katanya.